



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BELANJAWAN 2020 LANGKAH PERTAMA KE ARAH WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat merupakan langkah pertama ke arah merealisasikan objektif dan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Kerajaan telah menyediakan sebuah belanjawan negara yang komprehensif selari dengan WKB 2030 untuk menstruktur semula ekonomi negara dan memacu pembangunan secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif buat semua rakyat Malaysia.

Belanjawan yang dibentangkan merupakan komitmen Kerajaan untuk merapatkan kesenjangan ekonomi antara kelas pendapatan, kumpulan etnik dan wilayah.

Bagi tujuan itu, siling Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure*) bagi tahun 2020 telah dinaikkan kepada RM56 bilion, iaitu 18.9% daripada keseluruhan Belanjawan 2020 berbanding dengan 17.3% bagi tahun 2019. Peningkatan ini akan memberi manfaat secara langsung kepada semua rakyat Malaysia khususnya masyarakat B40, penduduk luar bandar serta anak muda.

Inisiatif bernilai lebih daripada RM1.6 bilion telah diperuntukkan untuk masyarakat peneroka dan pekebun kecil FELDA, FELCRA dan RISDA bagi melaksanakan program menjana pendapatan yang memanfaatkan lebih 500,000 peneroka dan pekebun kecil.

Selain daripada itu, lebih RM1 bilion diperuntukkan untuk kepenggunaan digital serta merangsang ekonomi digital. Rangsangan digital dan operasi perniagaan secara digital bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan mengasah bakat dan kemahiran dalam penggunaan teknologi baharu bagi mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 adalah amat bertepatan pada masanya.

Ikhtiar ini juga akan membuka ruang kepada Kerajaan bagi menyediakan persekitaran domestik yang kondusif sekaligus memperbesar kek ekonomi negara.

Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan kemampuan syarikat dalam bidang industri dan keusahawanan serta mengeksport produk yang mampu bersaing di pasaran global. Bagi mencapai matlamat itu, Kerajaan memperuntukkan RM1.5 bilion khas untuk membantu PKS melalui subsidi faedah, bantuan eksport dan pembangunan keusahawanan.

Belanjawan 2020 turut memberi tumpuan kepada usaha pemberdayaan anak muda dalam mendepani cabaran baru dalam era teknologi serba canggih. Kerajaan mahu anak muda melengkapkan diri dengan keperluan kemahiran dalam revolusi digital. Justeru, fokus terhadap program TVET dengan peruntukan sejumlah RM5.9 bilion akan meningkatkan kebolehpasaran graduan baru dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif.

Saya ingin menegaskan bahawa Belanjawan 2020 adalah sebahagian integral daripada falsafah WKB 2030 yang berpaksikan model pertumbuhan inklusif demi kemakmuran seluruh rakyat. Saya yakin melalui dukungan rakyat dan semua pemegang taruh, kita akan berjaya merealisasikan visi WKB 2030.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

**11 Oktober 2019**